

Sekolah2 rendah, menengah diarah sertai Buku

Hijau P
B.H. 10 FEB 1975
PONTIAN, Anad

Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan arahan kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara supaya menyertai Buku Hijau, Menteri berkenaan Dr. Mahathir Mohamed mengumumkan hari ini di sini.

Katanya, "Rancangan Buku Hijau di sekolah-sekolah itu bukan bertujuan hendak mengeluarkan bahan-bahan makanan dan bertanding dengan pihak lain, tetapi melaui murid-murid bercocok tanam."

Bellau yakin dengan cara itu murid-murid akan mendapat pengetahuan yang lebih dalam bidang pertanian yang lebih moden.

Menteri Pelajaran berkata demikian kepada pemberita selepas melawat empat buah sekolah dekat sini hari ini.

Perbaiki

Mengenai sekolah-sekolah rendah luar bandar yang terpencil Dr. Mahathir berkata kedudukan sekolah itu yang berasal sekolah rakyat masih belum memuaskan.

"Bagaimanapun Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah untuk memperbaiki kedudukan sekolah-sekolah itu," tegasnya.

Menurutnya lagi, "Kalau sesebuah sekolah itu terlalu kecil bilangan murid-muridnya tentulah susah bagi Kementerian Pelajaran hendak menghantar guru-guru berkelayakan."

Katanya, samada Kementerian hendak mengadakan peruntukan kepada sekolah-sekolah kecil itu bergantung kepada faktor supaya ia benar-benar memberi faedah.

Menteri Pelajaran menegaskan, Kementerian mempunyai rancangan untuk menyatukan sekolah-sekolah kecil di seluruh negara, tetapi terkenalah mengkaji dari segala aspeknya.

Kemudahan

Berhubung dengan makanan percuma di sekolah-sekolah Menteri Pelajaran berkata, Kementerian belum merancang rancangan tersebut kerana ia menelan belanja yang besar.

Dr. Mahathir ketika menjawab satu pertanyaan menerangkan Kementerian Pelajaran mengadakan kemudahan asrama bagi pelajar-pelajar rendah dan menengah di setengah-setengah tempat seperti di Pahang.

Bellau kesal ada di antara pelajar-pelajar yang tidak menghargakan pelajaran sedangkan segala kemudahan diberikan kepada mereka.